

Headline	Agak rumit tapi kajian tetap perlu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	17	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	567 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,206
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,619



Agak rumit tapi kajian tetap perlu

Malaysia seperti mana yang kita semua tahu adalah salah sebuah negara yang memiliki kepelbagaian bio yang tinggi di dunia.

Kepelbagaian mega flora dan fauna tersebut adalah kerana hutan hujan di negara ini telah wujud sejak jutaan tahun dahulu.

Walaubagaimana pun, arus pembangunan dan pemodenan telah menghakis sebahagian besar hutan di negara kita.

Penggunaan tanah untuk tujuan pertanian dan pembangunan kini menjadi ancaman utama kepupusan hutan hujan di Malaysia.

Menurut Pengarah Bahagian Biodiversiti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), **Dr. Lillian Chua**, terdapat banyak lagi faktor yang menyebabkan kemerosotan hutan negara ini.

Jelasnya, amalan pembalakan juga sedikit sebanyak memberi kesan biarpun menggunakan sistem pemilihan. namun untuk mengembalikan keadaan asal sesebuah hutan amat lambat.

"Bayangkan sebuah pokok balak mengambil masa beratus-ratus tahun untuk membesar pada saiz yang ditebang buat pertama kali.

"Kita mengamalkan sistem tebanan ulangan hanya 30 tahun dan pada waktu itu nanti pokok yang ditinggalkan pasti tidak lagi sama seperti asalnya, lebih kecil selain tidak lagi banyak," katanya.

Tambahnya kadangkala pokok ibu yang ditinggalkan untuk tujuan pembenihan dan baka juga tidak dapat menampung keperluan untuk mengembangkan spesies tersebut dengan baik.

"Pada awal tahun 1970-an sehingga 1990-an pembukaan dan penggunaan tanah merupakan ancaman utama kepada kawasan hutan.

"Pada waktu itu, Malaysia sedang membangun dan banyak kawasan ini dibuka untuk tujuan perladangan dan pertanian merupakan pilihan untuk merencanakan ekonomi negara," katanya.

Kini katanya, pembukaan tanah hutan untuk kegunaan sedemikian agak berkurangan,



DR. LILLIAN CHUA menunjukkan sejenis pokok yang kini dipulihara oleh FRIM.

namun masih diteruskan di sesetengah negeri.

"Itu secara rasmi atau berlesen, belum mengira aktiviti pembalakan atau pembukaan kawasan hutan secara haram yang menyebabkan kita kehilangan banyak spesies flora dan fauna yang tidak sempat kita kenali," katanya.

Sehingga kini terdapat ribuan spesies flora dan fauna yang masih belum dikenali pasti, malah mungkin juga telah pupus sebelum sempat dikenal pasti.

Lillian berkata, setakat dalam rekod FRIM, terdapat tiga spesies iaitu dua spesies paku pakis dan satu spesies tumbuhan herba yang dikenali sebagai asam batu seperti mana yang didedahkan oleh ketua pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod sebelum ini, yang telah pupus.

Asam batu ditemukan pada kali terakhir adalah pada tahun 1898 oleh seorang ahli botani terkenal, Curtis.

"Tiga spesies ini yang kita telah kenal pasti dan direkodkan, bagaimana pula spesies yang lain yang

belum dikenal pasti dan direkod, pastinya jika pupus sekali pun tiada siapa yang menyedarinya," ujar Lillian.

Selain itu, taburan spesies yang kurang juga menyebabkan proses pembiakan sesuatu spesies itu amat perlahan.

Kedadaan tersebut

menyebabkan banyak spesies balak daripada keluarga meranti (*Dipterocarpaceae*) diancam kepupusan.

Dianggarkan keluarga meranti merupakan antara spesies balak yang terbesar di negara ini dan taburannya sekitar 56 peratus berbanding spesies lain.

Pun begitu terdapat beberapa spesies meranti mulai berkurangan dan dikuatiri akan pupus jika tiada usaha konservasi secara giat dilaksanakan.

Mengambil contoh usaha konservasi spesies Meranti Daun Besar (*Shorea hemsleyana*) oleh FRIM bersama Universiti Teknologi Petronas (UTP) yang kini berstatus 'terancam kritikal'.

Ujar Lillian, Meranti Daun Besar merupakan meranti merah yang hidup di kawasan

hutan paya.

"Ukur lilit pokok ini biasanya kurang daripada dua meter (m) namun pokok tersebut boleh membesar sehingga 2.5 m.

"Pokok ini kini hanya boleh ditemui di sekitar kawasan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Seri Iskandar, Perak dan juga UTP (endemik) juga di kawasan yang sama," katanya.

Sehingga kini hanya ada sekitar 142 pokok sahaja direkodkan masih wujud di sekitar kawasan tersebut.

"FRIM hanya boleh melakukan kajian dan pengumpulan data berkenaan pokok tersebut, untuk tujuan koservasi dan pemuliharaan, usaha tersebut bergantung kepada pemilik tanah.

"Untuk kes ini, UTP telah memberikan respons yang terbaik dengan mengekalkan kawasan hutan di mana terdapatnya pokok Meranti Daun Besar dan menghentikan segala pembangunan di kawasan tersebut," katanya.

UTP turut menyumbang dana dan tenaga dalam program konservasi pokok meranti itu. Ditanya mengapakah tiada usaha mencari dan mengenal pasti secara besar-besaran, Lillian berkata, kekangan dana merupakan antara faktor utama proses tersebut berlangsung secara perlahan.

"Ada ekspedisi dilakukan bagi mencari tumbuh-tumbuhan yang masih belum dikenal pasti, namun sangat kurang dilakukan.

"FRIM juga banyak melaksanakan kajian serta mewujudkan penyelesaian bagi menangani kepupusan pokok-pokok hutan ini dan kita akan ajukan hasil kajian tersebut kepada pihak yang bertanggungjawab," katanya.

Antara ancaman lain bagi hutan di negara ini adalah populasi sesuatu spesies itu amat sedikit dan lambat membiak.

Hal demikian berkait rapat dengan kadar kejayaan pendebungaan untuk menjadi buah yang baik kerana kekurangan baka yang elok.

Kawasan yang tergedasi di sekitar hutan juga memberikan kesan kepada pertumbuhannya.



LILLIAN CHUA